

10/06/2003

Pengusaha pelancongan perlu rangka program perkenal PCC: PM

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengusaha sektor pelancongan perlu merangka program lawatan lengkap bagi memperkenalkan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) sebagai destinasi konvensyen terulung negara.

Perdana Menteri berkata, organisasi antarabangsa harus dibawa ke sini bagi melihat lebih dekat kemudahan yang disediakan supaya mengetahui kecanggihan yang disediakan PCC.

"Wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) sudah berlalu dan kini kita harus menarik pelancong ke sini.

"PCC boleh diperkenalkan kepada kelab Rotary atau persatuan pergigian dan perubatan dunia untuk mengadakan konvensyen di situ," katanya pada majlis penyerahan PCC oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd kepada kerajaan Malaysia, semalam.

Pusat itu diserahkan Pengerusi Putrajaya Holdings, Datuk Mohd Hashim Hassan kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Perdana Menteri juga dibawa melawat ke sebahagian besar kawasan pusat konvensyen berharga RM650 juta, selain melepaskan burung merpati di anjung kompleks itu.

Reka bentuk PCC adalah hasil rekaan syarikat arkitek terkenal, Hijjas Kasturi Associates Sdn Bhd dan kontraktor IJM Constructions Berhad. Bangunan menggunakan reka bentuk Pending Perak, iaitu kerongsang tali pinggang wanita yang dipakai golongan bangsawan pada masa dulu.

Terletak di kemuncak Taman Puncak Selatan di Presint Lima, iaitu kawasan bagi rekreasi dan sukan, PCC dihubungkan dengan Jambatan Seri Gemilang dari jalinan boulevard, kira-kira lima kilometer dari Pejabat Perdana Menteri.

Dibina di kawasan seluas kira-kira 21 hektar dan terletak 60 meter dari aras laut, PCC membabitkan pembinaan dewan utama yang mempunyai bentuk mata pending perak.

Ia mempunyai keluasan lantai kira-kira 135,000 meter persegi dan dilengkapi dengan dewan pleno atau auditorium utama yang boleh memuatkan 3,000 orang pada satu-satu masa.

PCC juga bakal menjadi hos kepada sidang Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober ini.

Perdana Menteri yang bangga dengan pencapaian anak tempatan dalam pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, berkata bandar raya terbesar itu adalah peninggalan untuk dibanggakan generasi akan datang.

Katanya, di barat pusat pentadbiran kerajaannya dibina dengan megah dan Putrajaya akan menjadi kemegahan untuk negara ini.

"Putrajaya bukan dibina untuk hari ini atau untuk saya. Ia adalah untuk masa depan negara," katanya.

